



Rujukan Kami : AADK 100-2/2/2 ()

Tarikh : 29 Mac 2013

**Ketua Pengarang,
Harian Metro,**

Tuan/Puan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AWAM MENGENAI KEGIATAN PEANGIHAN DADAH
DI FELDA PANCING SELATAN MELALUI AKHBAR HARIAN METRO 29 MAC
2013 DALAM RUANGAN SETEMPAT M/S 25A.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin merujuk kepada aduan yang dikemukakan oleh **TOKGAJAH80[IMB93478]** melalui akhbar Harian Metro bertarikh 29 Mac 2013.

3. Sehubungan itu berikut adalah maklumbalas AADK bagi aduan berkenaan:

*Terlebih dahulu AADK menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan **TOKGAJAH80** dalam menyalurkan aduan berkenaan dadah dalam negara. Adalah dimaklumkan AADK memandang serius isu tersebut. Sehubungan itu AADK akan mengambil tindakan risikan dan siasatan bagi aduan yang disalurkan dan seterusnya akan mengadakan operasi bersepadu bersama pihak PDRM di lokasi yang dinyatakan dalam masa yang terdekat. Pihak AADK memohon agar **TOKGAJAH80** serta orang awam tidak mengambil sebarang tindakan bersendirian kerana ia akan membahayakan keselamatan diri dan masyarakat. AADK turut ingin memaklumkan bahawa sekiranya terdapat aduan yang sama di kawasan pembaca Harian Metro, salurkan aduan tersebut melalui emel kepada pro@adk.gov.my atau hantarkan pesanan ringkas dengan menaip AADK <jarak> Menu dan hantarkan kepada 15888.*

4. Kerjasama dan perhatian daripada tuan/puan untuk menyiarkan maklumbalas tersebut dalam akhbar amatlah dihargai dan didahului terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KHIDMAT TANPA RASUAH"**

Saya yang menurut perintah,


(MOHD AMIR KHUSAIRI HARUN)

b.p. Ketua Pengarah,
Agensi Antidadah Kebangsaan,
Kementerian Dalam Negeri

- Sk:
- Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan
 - Pengarah Pengesanan dan Pengawasan AADK
 - Pengarah AADK Pahang